



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**12 September 2020**

1. Bayi putus tangan digigit anjing
2. Anjing gigit tangan bayi
3. Tangan bayi 7 hari putus digigit anjing

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## KERATAN AKHBAR

Tarikh: 12 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	13	
Perkara	Kawalan penyakit	

Mangsa cacat seumur hidup selepas anggota badan gagal disambung

## Bayi putus tangan digigit anjing

Oleh RIZANIZAM ABDUL HAMID

MELAKA – Seorang bayi perempuan berusia tujuh hari cacat seumur hidup selepas tangan kanannya yang putus digigit seekor anjing baka plot hound di Bachang di sini. Selasa lalu tidak berjaya disambung semula.

Dalam kejadian pada pukul 8.30 pagi itu, mangsa ketika kejadian berada di bawah jagaan ibu saudaranya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Melaka, Asisten Komisioner Mohd. Nor Yhazid Idris berkata, ketika kejadian, wanita itu membawa bayi berkenaan ke ruang tamu berdekatan dengan pintu pagar rumah dengan tujuan dikenakan cahaya untuk mengurangkan masalah penyakit demam kuning yang dibidap.

Beliau berkata, ibu bayi itu pulak yang masih berpantang sedang ditemani suaminya yang

berada di tingkat atas rumah. "Semasa hendak memandikan bayi berkenaan, ibu saudaranya telah meletakkan bayi seperti biasa di atas bantal berdekatan pintu pagar yang ditutup rapat bagi menjemur bayi," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, wanita itu kemudian telah meninggalkan bayi tersebut sedang digigit oleh salah seekor anjing peliharaan suaminya.

"Ketika kembali semula ke arah bayi, dia terkejut apabila melihat tangan kanan bayi tersebut sedang digigit oleh salah seekor anjing peliharaan suaminya.

"Haiwan itu menggigit tangan kanan bayi dari luar pagar dilukis tanigisan kuat bayi yang berlumuran darah," katanya.

Katanya, mangsa kemudian dibawa ke Hospital Melaka sebelum dirujuk ke Hospital Kuala Lumpur untuk dirawat oleh

pakar.

"Anjing tersebut dipercuryai daripada baka plot hound dan telah dibiarakan tanpa diikat atau dikurung bagi tujuan menjaga kawasan rumah.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001/289 Kanun Keseksian," katanya.

Dalam pada itu, sumber berbuka, bayi berkenaan dimasukkan ke dewan bedah hampir 10 jam untuk menyambung kembali tangannya yang putus sehingga paras bahu, namun tidak berjaya kerana salur darah yang masih kecil dan sukar dicari.

Sementara itu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Datuk Zainal Abu mengesahkan lelaki berusia 41 tahun yang merupakan pemilik haiwan terbabit didapati melakukan kesalahan kerana memelihara anjing daripada baka yang tidak boleh dilesekan.



Di taman perumahan Inillah seorang bayi perempuan putus tangan kanan selepas diserang anjing peliharaan keluarganya.

KANAN: Anjing baka plot hound adalah jenis anjing pemburu bau yang berasal dari Jerman.

– GAMBAR HIASAN

## KERATAN AKHBAR

Tarikh: 12 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Harian Metro	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	4	
Perkara	Kawalan penyakit	

Oleh Amir Mamat  
am@hmetro.com.my

Melaka

**M**alang nasib seorang bayi perempuan yang baru berusia tujuh hari apabila putus tangan akibat digigit anjing peliharaan keluarga di rumahnya di Bachang, Selasa lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner Mohd Nor Yhzid Idris berkata, kejadian berlaku pada jam 8.30 pagi, 8 September lalu, ketika bayi berkenaan dijaga mak cikinya di rumah.

Katanya, ketika kejadian, wanita terbabit membawa bayi berkenaan ke ruang tamu berdekatan pintu pagar rumah dengan tujuan untuk dijemur kepada cahaya matahari bagi mengurangkan masalah penyakit jaundis (demam kuning).

"Ketika itu, bayi sulung pasangan itu baru sahaja diberi susu oleh ibunya yang masih berpantang dan ditemani suami yang berehat di tingkat atas rumah.

Ketika hendak memandikan bayi, mak ciknya meletakkan bayi seperti biasa di atas bantal berdekatan pintu pagar yang ditutup rapat untuk dikenakan cahaya matahari," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Nor Yhzid berkata, wanita itu kemudian meninggalkan bayi itu setelah untuk mengambil

# ANJING GIGIT TANGAN BAYI

*Zuriat berusia tujuh hari parah akibat onar binatang peliharaan keluarga*



*Dia melihat anjing berkenaan menggigit tangan kanan bayi di luar pagar diikuti tangisan kuat bayi yang berlumuran darah"*

**Mohd Nor Yhzid**

air mandian.

"Apabila kembali semula ke pintu, wanita itu terkejut melihat tangan kanan bayi tersebut digigit seekor daripada anjing peliharaan milik suaminya.

"Dalam keadaan panik dia melihat anjing berkenaan menggigit tangan kanan bayi di luar pagar diikuti tangisan kuat bayi yang berlumuran darah," katanya.

Susulan keadaan itu, dia menjerit sekutu hati, sekali

gus mengejutkan ahli keluarga yang lain.

Katanya, ahli keluarga yang panik, terus membawa bayi terbabit ke sebuah hospital swasta untuk mendapatkan rawatan, bagaimanapun hospital meminta bayi itu dirujuk ke Hospital Melaka.

"Bayi malang itu ditempatkan di zon merah bagi mendapatkan rawatan kecemasan sebelum dikejar-

kan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk mendapatkan rawatan doktor pakar. Ketika ini, bayi itu sedang menjalani pembehdahan," katanya.

Mohd Nor Yhzid berkata, anjing milik suami wanita berkenaan dipercaya dari jenis *Plott Hound* dan didapati dibiarkan tanpa diikat atau dikurung di kawasan rumah bagi tujuan menjaga kawasan kediaman.

"Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) sudah menangkap haiwan berkenaan untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 31 (1)(a) Akta Kanak-kanak 2001/289 Kanun Keseksaan," katanya.



ANJING jenis Plott Hound.

# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 12 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Berita Harian	Catatan:
Ruangan	Nasional	
M/Surat	19	
Perkara	Kawalan penyakit	

## Tangan bayi 7 hari putus digigit anjing

Mangsa diletak dekat pintu pagar rumah

Oleh Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Melaka:** Seorang bayi perempuan berusia tujuh hari putus tangan kanan selepas digigit anjing peliharaan keluarganya di Bachang, di sini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner Mohd Nor Yhzid Idris, berkata kejadian pada jam 8.30 pagi Selasa lalu, ketika bayi berkenaan dijaga ibu saudara di rumahnya itu.

Ketika kejadian, wanita terbabit membawa bayi berkenaan ke ruang tamu berdekatan pintu pagar rumah untuk dikenakan cahaya matahari bagi mengurangkan gejala penyakit demam kuning.

“Bayi itu baru diberikan susu oleh ibunya yang masih berpantang dan ditemani suami yang sedang berehat di tingkat atas rumah.

“Ketika hendak memandikan bayi berkenaan, ibu saudara meletakkan bayi itu seperti biasa di atas bantal berdekatan pintu pagar yang ditutup rapat untuk dikenakan cahaya matahari,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Nor Yhzid berkata, wa-

nita itu kemudian meninggalkan bayi seketika untuk mengambil air mandian.

Apabila kembali semula ke pintu, wanita itu terkejut apabila melihat tangan kanan bayi itu sedang digigit seekor daripada anjing peliharaan suaminya.

“Dalam keadaan panik itu dia melihat anjing berkenaan menggigit tangan kanan bayi di luar pagar diikuti tangisan kuat bayi yang berlumuran darah,” katanya.

Susulan keadaan itu, wanita berkenaan menjerit sekuat hati, sekali gus mengejutkan ahli keluarga yang lain.

Ahli keluarga yang panik, terus membawa bayi terbabit ke sebuah hospital swasta untuk mendapatkan rawatan. Bagaimanapun, pihak hospital meminta bayi itu dirujuk ke Hospital Melaka.

“Bayi malang itu ditempatkan di zon merah bagi mendapatkan rawatan kecemasan sebelum dikeharkan ke Hospital Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan doktor pakar. Ketika ini, bayi itu sedang menjalani pembedahan,” katanya.

Mohd Nor Yhzid berkata, anjing milik suami wanita itu dipercayai jenis ‘plott hound’ dan didapati dibiarakan tanpa diikat atau dikurung di kawasan rumah bagi tujuan menjaga kawasan kediaman.

“Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) sudah menangkap haiwan berkenaan untuk tinjakan lanjut,” katanya.